KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

Jinak 4 gajah merayau cari makan

Jerantut: Empat gajah betina liar yang merayau mencari makanan berdekatan ladang sawit di Felda Kota Gelanggi Tiga, dekat sini, berjaya dijinakkan dalam operasi dilakukan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang.

Semua gajah ditangkap Unit Tangkapan Gajah (UTG) dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang itu dipindahkan ke Taman Pemuliharaan Gajah Tasik Kenyir, Terengganu.

Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md Yasin berkata, dua gajah denak iaitu Rambai dan Kasturi yang dibawa dari PKGK Kuala Gandah, Lanchang digunakan untuk operasi penangkapan bermula sejak seminggu lalu.

"Ketika pemantauan serta operasi pertama pada 8 Ogos lalu, kami menangkap dua gajah liar manakala dua hari kemudian, dua lagi ditangkap di kawasan pinggir hutan berdekatan ladang sawit Felda Kota Gelanggi Tiga.

"Empat gajah liar ini adalah kawanan membabitkan 20 hingga 30 gajah yang masih merayau-rayau dalam beberapa kumpulan di kawasan Hutan Simpan Tekal di mukim Tembeling Tengah, Pulau Tawar dan kawasan ladang Felda ini.

"Dua daripadanya dipindahkan semalam (hari ini), manakala dua lagi dipindahkan hari ini (semalam)," katanya selepas operasi memindah gajah di kawasan ladang sawit Felda Gelanggi 3, semalam.

Beliau berkata, pada masa sama, Perhilitan mengawal pergerakan sekawan 12 gajah liar daripada menceroboh kawasan ladang sawit di Felda Gelanggi Satu dan Tiga.



ANGGOTA Unit Tangkapan Gajah, Kuala Gandah memindahkan dua gajah liar ke atas lori sebelum dihantar ke Taman Pemuliharaan Gajah Tasik Kenyir di Felda Kota Gelanggi Tiga, Jerantut, Pahang, semalam.